



11 Disember 2017  
11 December 2017  
P.U. (A) 381

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN SYARIKAT (KEPENTINGAN YANG DITETAPKAN BAGI TRANSAKSI PENJUALAN DAN PEMBELIAN SEKURITI ISLAM YANG DIRUNDINGI) 2017

### *COMPANIES (PRESCRIBED INTEREST FOR ISLAMIC SECURITIES SELLING AND BUYING NEGOTIATED TRANSACTION) REGULATIONS 2017*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SYARIKAT 2016

PERATURAN-PERATURAN SYARIKAT (KEPENTINGAN YANG DITETAPKAN BAGI  
TRANSAKSI PENJUALAN DAN PEMBELIAN SEKURITI ISLAM  
YANG DIRUNDINGI) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 613(1)(d) Akta Syarikat 2016 [Akta 777], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Syarikat (Kepentingan yang Ditetapkan bagi Transaksi Penjualan dan Pembelian Sekuriti Islam yang Dirundingi) 2017**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 12 Disember 2017.

**Kepentingan yang ditetapkan**

2. (1) Suatu kepentingan dalam syer mana-mana orang di bawah subseksyen 8(6) Akta yang timbul daripada transaksi penjualan dan pembelian sekuriti Islam yang dirundingi ialah suatu kepentingan yang ditetapkan yang disebut dalam perenggan 8(9)(d) Akta.

(2) Bagi maksud peraturan ini—

“orang” ertinya—

(a) seorang pembekal dalam suatu transaksi penjualan dan pembelian sekuriti Islam yang dirundingi; atau

(b) seorang pengguna dalam suatu transaksi penjualan dan pembelian sekuriti Islam yang dirundingi yang menyimpan sekuriti Islam yang ditransaksikan itu bagi suatu tempoh yang tidak melebihi tiga hari perniagaan;

“transaksi penjualan dan pembelian sekuriti Islam yang dirundingi” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam kaedah-kaedah yang dibuat oleh suatu pusat penjelasan diluluskan sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti di bawah seksyen 9 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*].

Dibuat 11 Disember 2017  
[KPDNKK 600-1/2/33; PN(PU2)740]

DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN  
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri,  
Koperasi dan Kepenggunaan*

COMPANIES ACT 2016

COMPANIES (PRESCRIBED INTEREST FOR ISLAMIC SECURITIES SELLING  
AND BUYING NEGOTIATED TRANSACTION) REGULATIONS 2017

IN exercise of the powers conferred by paragraph 613(1)(d) of the Companies Act 2016 [Act 777], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Companies (Prescribed Interest for Islamic Securities Selling and Buying Negotiated Transaction) Regulations 2017**.

(2) These Regulations come into operation on 12 December 2017.

**Prescribed interest**

2. (1) An interest in a share of any person under subsection 8(6) of the Act arising from an Islamic securities selling and buying negotiated transaction is a prescribed interest referred to in paragraph 8(9)(d) of the Act.

(2) For the purpose of this regulation—

“Islamic securities selling and buying negotiated transaction” has the meaning assigned to it in the rules made by an approved clearing house as approved by the Securities Commission under section 9 of the Capital Market and Services Act 2007 [Act 671];

“person” means—

(a) a supplier in an Islamic securities selling and buying negotiated transaction;  
or

(b) a user in an Islamic securities selling and buying negotiated transaction who keeps the transacted Islamic securities for a period of not more than three business days.

Made 11 December 2017  
[KPDNKK 600-1/2/33; PN(PU2)740]

DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN  
*Minister of Domestic Trade,  
Co-operatives and Consumerism*